

# Tarikh PM temui Cuepacs belum ditentukan

23 OCT 1983

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, belum menetapkan pertemuannya dengan wakil Majlis Bersama Kebangsaan (MBK-Pihak Pekerja) dan Cuepacs bagi membincangkan isu pelarasan gaji.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas lawatan dua jam setengah ke Bangunan Tabung Haji di sini.

"Belum tetap lagi," bila menjawab pertanyaan sama ada beliau akan menemui wakil-wakil itu sebelum Jumaat atau hari ini.

Presiden Cuepacs merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras MBK, **Encik Ahmad Nor**, semalam berkata beliau menjangka perbincangan itu akan diadakan sebelum Hari Belanjaan Jumaat ini.

Sementara itu, Pengarah Besar Tabung Haji, **Datuk Haji Hanafiah Haji Ahmad**, berkata, Perdana Menteri telah mengucapkan tahniah dan syabas kepada lembaga itu atas kejayaannya membina bangunan itu.

Katanya, ucapan itu ditulis dan ditandatangani oleh Perdana Menteri dalam buku pelawat di akhir lawatannya.

Dalam lawatan itu,

Perdana Menteri yang diringi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Khalil Yaakub** dan Timbalannya, **Hajah Sharifah Dora** di bawa melawat beberapa bahagian bangunan itu termasuk surau dan pejabat Tabung Haji.

Perdana Menteri juga menyaksikan pameran sejarah dan kemajuan Tabung Haji serta tayangan slaid mengenai rancangan dan perkembangan lembaga itu selama kira-kira 20 minit.

Beliau kemudian makan tengah hari bersama tetamu jemputan lain di Tingkat 38, bangunan itu.